



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1572

AKTA ZON BEBAS (PINDAAN) 2018



Tarikh Perkenan Diraja 24 Ogos 2018

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 28 Ogos 2018

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1572

AKTA ZON BEBAS (PINDAAN) 2018

Suatu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Zon Bebas (Pindaan) 2018.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan memotong takrif “cukai jualan”, “cukai perkhidmatan” dan “perkhidmatan”.

Pindaan seksyen 4**3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**dan perkhidmatan**”;
- (b) dengan memotong perkataan “dan perkhidmatan”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “, dihasilkan atau dibekalkan” dengan perkataan “atau dihasilkan”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “, duti eksais, cukai jualan atau cukai perkhidmatan” dengan perkataan “atau duti eksais”.

Pindaan seksyen 6**4. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**dan perkhidmatan**”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “atau perkhidmatan”; dan
- (c) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975” dengan perkataan “dan Akta Eksais 1976”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “dan perkhidmatan”.

Pindaan seksyen 21**5. Seksyen 21 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975”.**

Pindaan seksyen 22

6. Seksyen 22 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975”.

Pindaan seksyen 23

7. Subseksyen 23(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975”.

Pindaan seksyen 26

8. Subseksyen 26(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975”.

Pindaan seksyen 28

9. Subseksyen 28(1) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta ini” dengan perkataan “atau Akta ini”; dan

(b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta ini” dengan perkataan “atau Akta ini”.